

Uchapan Pembukaan di-Persidangan
Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan
pada 23hb. December, 1960.

Tuan Pengerusi, Tuan2 dan Puan Sekalian.

Saya amat sukachita oleh sebab dapat peluang pada pagi ini berchakap dengan tuan2 dan puan2 sa-belom perjumpaan Lembaga ini di-mulakan. Saya harap maaf jika saya berchakap risau sahaja di-atas maksod2 yang saya hendak sampaikan kepada tuan2 sekalian ahli2 Lembaga ini kerana sudah tiga minggu persidangan Dewan Raayat berjalan dan saya tidak lagi chukop nafas hendak berchakap penoh panjang.

Perkara yang saya hendak terang kepada tuan2 dan suka hendak mendapat persetujuan tuan2 sekalian ia-lah berkenaan dengan kedudukan jawatan2 pegawai2 - State Development Officer - di-negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan2 sekalian barangkali ingat pada masa melancharkan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar pada awal tahun ini, maka mustahak-lah di-adakan di-tiap2 negeri sa-orang Pegawai Pentadbir yang kanan dan yang berkelayakan bagi menjalankan tugas2 sebagai Pegawai Kemajuan yang bertanggung jawab berkenaan hal2 Pembangunan Luar Bandar di-Negeri itu. Pegawai ini telah di-lantek menjadi Setia Usaha Jawatan Kuasa Kemajuan dalam Negeri dan menjadi perantaraan di-antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan/^{Negeri} dan juga menjadi wakil Kerajaan Persekutuan di-Negeri itu untuk melaksanakan Ranchangan2 Pembangunan Luar Bandar, dan juga untuk menjalankan Dasar Kerajaan terhadap Pembangunan Luar Bandar. Oleh itu saya telah menggunakan Pegawai - State Development Officer - R.I.D.A. yang

ada sekarang dan yang ada pada masa itu di-mana2 tempat ada jawatan M.C.S. Jawatan itu telah di-naikkan ka-dalam tingkatan Superscale supaya dapat di-isi oleh Pegawai yang sa-benar2-nya berkelayakan.

Langkah yang di-ambil ini ia-lah bagi sementara sahaja untok menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar bagi permulaan-nya. Dan langkah ini telah mendatangkan hasil yang memberi puas hati dan lagi pada masa itu saya telah memikirkan yang R.I.D.A. ini mustahak-lah mengambil bahagian2 yang penting dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini dan mustahak-lah pekerjaan2 Pegawai2 R.I.D.A. ini di-satukan dengan pekerjaan2 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Akan tetapi sekarang ini kita telah berjalan selama beberapa tahun dan apabila kita memandang kahadapan saya yakin bahawa jika Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-laksanakan dengan sempurna pada masa dua tiga tahun yang akan datang. Dan jentera pentadbiran Kementerian dengan menggunakan tenaga atau kuasa kuda (Horse Power) yang penoh, maka mustahak-lah jawatan2 State Development Officer ini di-pindahkan daripada R.I.D.A. dan di-arahkan di-bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan bertanggung jawab terus kepada Kementerian. Kedudukkan Pegawai2 pada masa ini tidak-lah memberi puas hati kerana mereka itu bertanggung jawab kepada dua badan, ia-itu R.I.D.A. dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mereka itu terpaksa menjalankan dasar dan kehendakkan R.I.D.A. dan juga menjalankan Ranchangan Kemajuan Perbahathan kita.

Oleh itu saya yang menhadangkan dan saya harap mendapat persetujuan tuan2 semua supaya Jawatan State Development Officer ini yang ada di-dalam Establishment Malayan Civil Service di-pindahkan ka-bawah jagaan Kementerian dan untok menjalankan pekerjaan R.I.D.A. hendak-lah di-adakan Majlis2 Negeri sa-orang Pegawai yang di-namakan State Rural Industrial Officer dan Pegawai ini akan bertanggung jawab terus kepada R.I.D.A. bagi menjalankan dasar dan pekerjaan2 R.I.D.A.

Saperti yang saya telah terangkan peri mustahak-nya mempunyai sa-orang Pegawai yang kanan di-tiap2 Negeri pada menjalankan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan kita dan Pegawai ini bertanggung jawab bagi menjaga dan memperhatikan perjalanan segala rancangan2 Pembangunan Luar Bandar di-Negeri itu. Oleh itu mustahak-lah Pegawai itu tidak akan menjadi beban dengan pekerjaan2 Office atau Pejabat atau Routine Work supaya dapat mereka itu berjalan dan melawat serata tempat2 di-Negeri itu, menjaga dan memerhatikan semua rancangan2 kemajuan kita berjalan dengan memberi puas hati.

Sa-balek-nya perkara yang di-kehendakki bagi membuat pekerjaan R.I.D.A. ia-lah sa-orang yang berlainan yang boleh di-beri latehan dengan sempurna bagi menggalak dan memajukan perusahaan2 kampung (Rural Industrial Development) yang akan menjadi tanggung jawab R.I.D.A. yang penting sekali. Peratoran ini pada fikiran saya ada-lah lebeh munasabah lagi memandang kepada kehidupan penduduk2 dan dengan itu dapat-lah R.I.D.A. mempunyai pegawai yang kanan dalam tiap2 negeri yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang penoh di-dalam perkara yang sa-baik2-nya menjadi

tanggung jawab R.I.D.A. dan pegawai2 itu ia-lah pegawai2 R.I.D.A. dan bukan pegawai2 M.C.S. dan mereka itu boleh-lah di-gunakan mengikut kehendak Lembaga ini. Saya fikir lebeh elok bagi R.I.D.A. mempunyai pegawai2 sementara daripada menggunakan pegawai2 yang di-bawa dari tempat lain seperti pegawai M.C.S.

Berkenaan dengan dasar dan tugas yang saya kehendakki R.I.D.A. menjalankan sa-telah di-tentukan dalam Directive dan saya telah beri kepada Lembaga ini dan saya suka bahawa tanggung jawab R.I.D.A. itu di-ubah sedikit daripada apa yang berlaku pada tiga tahun yang lalu. Sa-belom Kementerian Pembangunan Luar Bandar di-adakan R.I.D.A. ada-lah menjadi satu Pejabat Pembangunan Luar Bandar yang mempunyai banyak tanggung2 jawab dan tugas2 berkaitan dengan kemajuan di-luar bandar. Sekarang kebanyakan daripada pekerjaan2 ini sedang di-ambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya menhadangkan supaya pekerjaan R.I.D.A. itu di-alirkan kepada pekerjaan2 yang di-tentukan kepada R.I.D.A. Pada masa mula2 di-tubuhkan ia-itu memaju dan menggalakan perusahaan2 di-luar bandar dan menggalakan pasaran barang2 di-keluarkan dari kawasan luar bandar. Pada fikiran saya ini-lah pekerjaan2 yang sa-benar2 yang patut di-jalankan oleh R.I.D.A. dan jika kita hendak meninggikan taraf hidup penduduk2 di-luar bandar. Ini-lah dua perkara di-ikut dan mesti di-jalankan:-

- (1) Kita mesti menjaga supaya tiap2 penduduk di-luar bandar itu mendapat hasil yang berpatutan daripada perusahaannya. Perbuatan yang semacham ini

berma'ana-lah hendak di-sediakan aliran pasaran yang baik bagi barang2 di-keluarkan dari tanah-nya; dan

- (2) hendak-lah di-adakan dan galakan perusahaan2 kecil supaya penduduk2 di-luar bandar itu dapat menggunakan masa mereka pada masa tiap2 pekerjaan di-tanah masing2 dan dengan ini dapat-lah mereka itu menambahkan lagi mata pencharian dan meninggikan taraf hidup-nya.

Saya faham yang saya mengatahui bahawa ada banyak perkara2 yang Lembaga ini boleh dan suka hendak menjalankan bagi faedah penduduk2 di-luar bandar. Akan tetapi jika kita berkehendakkan kejayaan dalam pekerjaan kita itu mustahak-lah kita jayakan kerja itu satu persatu, tumpukan tenaga kita kepada pekerjaan itu dan sa-lepas sempurna-nya kejayaan ini baharu-lah kita membuat pekerjaan yang lain. Saya fikir kepada kedudokkan chuba hendak membuat pekerjaan yang terlampau banyak itu tidak akan mendapat hasil yang sempurna kerana usaha dan tenaga itu terpaksa di-pechah2 dan di-bahagik2kan. Akan tetapi jika kita buat pekerjaan itu satu persatu, sudah tentu pekerjaan kita itu akan mendapat kejayaan.

Bagitu juga dengan ada-nya perubahan2 yang saya sebutkan itu mustahak-lah kita (jentera R.I.D.A.) itu di-semak dan di-atur dengan sempurna-nya. Tidak berapa bulan yang lalu saya telah menjemput sa-orang Pakar dalam hal ehwal perusahaan2 luar bandar, Dr. Stepanek datang ka-Tanah Melayu dan supaya dapat menolong menasehatkan kita chara2 hendak membaiki perusahaan2 di-luar bandar itu. Dr. Stepanek telah menghantar penyata-nya yang sangat berharga dan

menurut penyata yang di-beri itu saya telah melantek satu Jawatan Kuasa yang mengandongi Pegawai2 daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Treasury dan Agriculture supaya dapat menyimak dan mengator kedudukan jentera R.I.D.A. ini. R.I.D.A. mustahak menjadi satu pasokan hadapan di-dalam serangan Pembangunan Luar Bandar kita. Oleh itu mustahak-lah pasokan hadapan R.I.D.A. itu di-serang dahulu dengan sempurna-nya supaya dapat menjalankan serangan dengan mempnyai kejayaan yang penoh.

Saya berharap kepada tuan2 semua ada-lah Lembaga ini akan menumpukan tenaga kepada dua tugas yang saya sebutkan itu ia-itu memaju dan menggalakkan perusahaan2 kechil di-luar bandar dan membaiki pasaran barang2 keluar dari kawasan2 luar bandar. Dan apabila telah mendapat kejayaan dalam dua perkara ini boleh-lah kita halakan tenaga Lembaga ini kepada pekerjaan2 yang lain2 dan saya fikir mustahak bagi galakkan dan kemajuan penduduk2 di-luar bandar.

Saya ucapkan kepada tuan2 semua selamat dalam persidangan ini dan berjaya dalam semua pekerjaan bagi membaiki keadaan hidup penduduk2 di-luar bandar. Saya yakin dan perchaya jika tuan2 semua jalankan dasar dan tugas2 satu persatu dan tumpukan tenaga tuan2 kepada satu dua pekerjaan2 sa-ningga mendapat hasil dan puas hati. R.I.D.A. akan dapat memenohi tugas-nya bagi membaiki keadaan hidup penduduk2 di-luar bandar. Dan saya sudahi ucapan saya ini dengan ucapan Selamat Tahun Baharu dan selamat berjaya.
